

Mangsa banjir Bagan Serai dipindahkan

Oleh ROSHANIZA ABDUL HALIM

pengarang@utusan.com.my

■ BAGAN SERAI 14 JUN

SEBANYAK 30 mangsa daripada 11 keluarga di tiga buah kampung di daerah ini terpaksa dipindahkan ke ke pusat pemindahan sementara selepas kediaman mereka ditenggelami air berikutan hujan berterusan sejak semalam.

Ketua Bomba dan Penyelamat Bagan Serai, Penolong Penguasa Bomba, Azmir Hassan berkata, sehingga kini, empat buah keluarga dari Kampung Batu 38, lima keluarga di Kampung Tanjung Bugis dan dua buah keluarga di Kampung Ban Pisang telah dipindahkan ke Pusat Pemindahan Mangsa Banjir yang dibuka di Sekolah Kebangsaan

Bukit Merah dekat sini.

“Pihak kami serta pelbagai agensi terlibat kini bersedia dengan sebarang kemungkinan berikutan paras air meningkat.

“Sehingga pukul 6 petang ini, 11 keluarga yang melibatkan 30 mangsa dipindahkan dan bilangan itu dijangka meningkat sekiranya keadaan bertambah buruk.” katanya.

Dalam pada itu, Ketua UMNO Bahagian Bagan Serai, Datuk Sham Mat Sahat berkata, dia bersama jenteranya bersiap sedia membantu mangsa banjir termasuk menyediakan makanan, minuman, keperluan asas lain dan selimut.

Menurutnya, pihaknya juga terkejut dengan banjir tersebut terutama ketika umat Islam bersiap sedia untuk menyambut ketibaan Ramadan.



BEBERAPA rumah di Kampung Ban Pisang dinaiki air dalam kejadian banjir di daerah Bagan Serai, Perak, semalam. - BERNAMA